



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERBANDINGAN PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR DI DAERAH HULU LANGAT, MALAYSIA**

SYED MOHD ANNAS BIN SYED ABD HAMID

FBMK 2018 89



**PERBANDINGAN PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR DI DAERAH HULU LANGAT, MALAYSIA**

Oleh

SYED MOHD ANNAS BIN SYED ABD HAMID

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Mei 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PERBANDINGAN PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR DI DAERAH HULU LANGAT, MALAYSIA

Oleh

SYED MOHD ANNAS BIN SYED AB HAMID

Mei 2018

Pengerusi : Profesor Madya Abdul Halim Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian berbentuk penguasaan sintaksis adalah kritikal terutama melibatkan penguasaan sintaksis terutamanya Bahasa Arab. Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, mereka menghadapi beberapa topik sintaksis Arab yang sukar difahami. Oleh yang demikian, data-data terkumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan kaedah peratusan. Didapati dari kajian rintis pelajar-pelajar menghadapi masalah yang kritikal terhadap topik-topik sintaksis Arab. Oleh sebab itu, perbandingan kedua-dua sekolah ini membawa kepada skala yang lebih besar terhadap kajian sintaksis Arab yang lebih bermakna dalam bidang kajian bahasa Arab. Oleh itu, tujuan utama kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti (1) tahap penguasaan sintaksis bahasa Arab dalam kalangan pelajar daerah Hulu Langat, (2) untuk membandingkan tahap penguasaan sintaksis bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Sekolah Agama Menengah Hulu Langat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah, (3) mengenal pasti tajuk-tajuk sintaksis yang sukar untuk dikuasai pelajar. Kajian ini dijalankan terhadap 130 orang pelajar tingkatan 5, Sekolah Agama Menengah (SAM) Hulu Langat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan data-data terkumpul melalui soalan bertulis.. Frekuensi dan peratusan digunakan bagi mengukur pencapaian soalan bertulis pelajar. Kajian menunjukkan bahawa kemahiran menulis responden dalam sintaksis bahasa Arab adalah lemah. Perbandingan tahap penguasaan menulis antara SAM Hulu Langat dan SMKA Maahad Hamidiah pula menunjukkan pelajar dari SMKA Maahad Hamidiah lebih menguasai kemahiran menulis tajuk sintaksis berbanding pelajar dari SAM Hulu Langat. Di samping itu, tajuk-tajuk yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar dalam ujian bertulis ialah *Al-Fā'il*, *Al-Mubtada'* *Wal Khobar*, *Al-Maf'ul Bihi*, *An-Na'tu*, *Al-Af'al Al-Khomsah* dan *Al-Asmā' Al-Khomsah*.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

ARABIC SYNTAX PROFICIENCY IN HULU LANGAT DISTRICT STUDENTS, MALAYSIA

By

SYED MOHD ANNAS BIN SYED AB HAMID

May 2018

Chairman : Associate Professor Abdul Halim Muhammad, PhD
Faculty : Bahasa Modern Languages and Communication

This study is about proficiency regarding syntax of Arabic. The problem statement indicated students are facing critical issues with Arabic syntax topics. Therefore, the comparison of these two schools leads to a larger scale which is more meaningful in Arabic language research. Study showed that students writing skills in Arabic grammar are weak. Therefore, the main purpose of this study: (1) to determine the level of syntax in Arabic among the students of Hulu Langat district; (2) to compare the syntax of Arabic among students at Sekolah Agama Menengah (SAM) Hulu Langat and Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah (3) to identify the students' proficiency in understanding the difficult syntax topics in Arabic. Next, the collected data were analysed descriptively using the percentage method. Frequency and percentage are used to measure the achievement of students regarding written test. Comparison of writing levels between SAM Hulu Langat and SMKA Maahad Hamidiah indicated that students from SMKA Maahad Hamidiah are better in understanding the syntax topics that focus on writing skills compared to the students of SAM Hulu Langat. Additionally, the topics that are detected from the written test indicates that there are syntax topics that are difficult to understand by the students such as; *Al-Fā'il*, *Al-Mubtada 'Wal Khobar*, *Al-Maf'ul Bihi*, *An-Na'tu*, *Al-Af'āl Al -Khomsah* and *Al-Asmā 'Al-Khomsah*.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S. W.T. dengan limpah rahmat dan keizinanNya saya dapat menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah S.A.W. pembawa rahmat ke sekalian alam.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Ab. Halim bin Muhammad kerana sabar memberikan tunjuk ajar dan bimbingan tanpa penat dan jemu untuk menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Dr. Wan Muhammad bin Wan Sulong selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis dan juga telah memberikan panduan yang sangat bernilai.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah yang telah mengajar saya di peringkat sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Semoga segala ilmu yang telah dicurahkan akan menghasilkan manfaat kepada saya di dunia dan di akhirat.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pengetua SMKA Maahad Hamidiah dan SAM Hulu Langat yang telah membenarkan saya melaksanakan penyelidikan ke atas pelajar-pelajar tingkatan lima sesi 2015. Tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat yang sentiasa memberikan galakan dan idea untuk menyiapkan tesis ini.

Teristimewa buat kedua ibu bapa saya Syed Ab. Hamid bin Syed Ahmad dan Faezah binti Daud yang sentiasa mendoakan kebaikan dan kejayaan saya dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak ketinggalan isteri yang tercinta Lidyanna binti Mohd Musa yang sentiasa memberikan galakan dan dorongan tanpa berbelah bahagi dalam menyiapkan tesis ini. Tiada kata-kata yang dapat menggambarkan kesyukuran dan kegembiraan selain ucapan terima kasih. Tidak dilupakan anak-anak yang disayangi Syed Salman Danial, Sharifah Syifa' Sofiyyah, Syed Syakir Dailami, Syed Syauqi Darimi dan Syarifah Syaima' Syahiddah yang memahami kesibukan saya dalam menulis tesis ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini walaupun tidak dinyatakan di sini. Semoga Allah membalas jasa baik anda dengan sebaik-baik ganjaran.

SYED MOHD ANNAS BIN SYED AB HAMID
Jabatan Bahasa Asing,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Mei 2018

No 12a,
Jalan Jelok Impian 4,
Taman Jelok Impian,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Wan Muhammad bin Wan Sulong, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Syed Mohd Annas Bin Syed Ab Hamid, GS39137

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Ab. Halim bin Mohamad

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Wan Muhammad bin Wan Sulong

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xiv
PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
 BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kerangka Konsep	5
1.6 Kerangka Teori	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Kesimpulan	10
 2 SOROTAN LITERATUR	 11
2.1 Pembelajaran Nahu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Menengah	19
2.1.1 Objektif Pengajaran Nahu Bahasa Arab	20
2.1.2 Permasalahan Tatabahasa	21
2.1.3 Tajuk Nahu Bahasa Arab	23
2.1.4 Masalah Penguasaan Nahu Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar	26
2.1.5 Faktor Kelemahan Nahu	29
2.2 Pendekatan Pengajaran Nahu	31
2.2.1 Pendekatan Deduktif	31
2.2.2 Pendekatan Induktif	33
2.2.3 Pendekatan Eklektif	34
2.2.4 Pendekatan Komunikatif	35
2.3 Kesimpulan	38
 3 METODOLOGI KAJIAN	 39
3.1 Sasaran Ujian	39
3.1.1 Tempat Kajian	40
3.1.2 Subjek Kajian	40
3.2 Instrumen Kajian	41
3.3 Kesahan Pakar dan Kebolehpercayaan Instrumen	41

3.3.1	Kajian Rintis	42
3.3.2	Prosedur Ujian	45
3.3.3	Bentuk Ujian	45
3.3.4	Bilangan dan Bahagian Soalan	46
3.3.5	Pemarkahan	47
3.3.6	Contoh Soalan Ujian	47
3.3.7	Pemprosesan dan Penganalisan Data	49
3.4	Kesimpulan	50
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	51
4.1	Skema Pemarkahan	51
4.2	Pengagredan Markah	52
4.3	Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar SMKAMH dan SAMHL	53
4.3.1	Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Ujian Bertulis dalam Kalangan Pelajar SMKAMH	53
4.3.2	Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab (Kemahiran Membaca) dalam Kalangan Pelajar SMKAMH	54
4.3.3	Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Ujian Bertulis dalam Kalangan Pelajar SAMHL	54
4.3.4	Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab (Kemahiran Membaca) dalam Kalangan Pelajar Sam Hulu Langat	55
4.4	Analisa Perbandingan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab di antara Pelajar SMK Agama Maahad Hamidiah dan Sam Hulu Langat	56
4.4.1	Perbandingan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Ujian Bertulis di antara Pelajar SMK Agama Maahad Hamidiah dan SAM Hulu Langat	56
4.4.2	Perbandingan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab (Kemahiran Membaca) di antara Pelajar SMKAMH dan SAMHL	57
4.5	Tajuk Nahu yang Sukar untuk Dipelajari dan Dikuasai oleh Pelajar SMK Maahad Hamidiah dan SAM Hulu Langat dalam Kemahiran Menulis	58
4.6	Analisis Tajuk Tajuk Nahu yang Sukar untuk Dipelajari dan Dikuasai oleh Pelajar SMK Maahad Hamidiah dan SAM Hulu Langat bagi Ujian Kemahiran Membaca	66
4.7	Kesimpulan	73
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	76
5.1	Perbincangan	76
5.1.1	Penguasaan Nahu (Menulis dan Membaca) dalam Kalangan Pelajar SAM Hulu Langat dan SMKA Maahad Hamidiah	76
5.1.2	Perbandingan Penguasaan Nahu (menulis dan membaca) SAM Hulu Langat dan SMKA Maahad Hamidiah	79

5.1.3	Tajuk yang Sukar Dipelajari oleh Pelajar SAM Hulu Langat dan SMKA Maahad Hamidiah	81
5.2	Cadangan Kajian	83
5.2.1	Pelajar	83
5.2.2	Guru	84
5.2.3	Kementerian/Jabatan/Pentadbir Akademik	85
5.2.4	Buku Teks	85
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	87
RUJUKAN		88
LAMPIRAN		96
BIODATA PELAJAR		104
SENARAI PENERBITAN		105

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1	Klasifikasi Temu bual Tatabahasa Arab Berdasarkan Tema 43
3.2	Skor ujian rintis 44
3.3	Gred Pemarkahan 47
4.1	Gred Pemarkahan SPM 52
4.2	Kekerapan dan Peratusan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Ujian Bertulis dalam Kalangan Pelajar SMK Agama Maahad Hamidiah 53
4.3	Kekerapan dan Peratusan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Kemahiran Membaca dalam Kalangan Pelajar SMK Agama Maahad Hamidiah 54
4.4	Kekerapan dan Peratusan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Ujian Bertulis dalam Kalangan Pelajar SAM Hulu Langat 55
4.5	Peratusan dan Kekerapan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Kemahiran Membaca dalam Kalangan Pelajar SAM Hulu Langat 55
4.6	Perbandingan Peratusan dan Kekerapan Perbandingan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab Ujian Bertulis di antara Pelajar SMK Agama Maahad Hamidiah dan SAM Hulu Langat 56
4.7	Perbandingan Peratusan dan Kekerapan Tahap Penguasaan Nahu Bahasa Arab (kemahiran membaca) di antara Pelajar SMK Agama Maahad Hamidiah dan SAM Hulu Langat 57
4.8	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Fā'l</i> 58
4.9	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-munādā</i> 59
4.10	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Idāfah</i> 59
4.11	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>At-Tawkīd</i> 60
4.12	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Mubtada' Wal-Khobar</i> 60
4.13	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Mustathnā</i> 61

4.14	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Maf'ūl Al-Mutlaq</i>	61
4.15	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-A'tfu</i>	62
4.16	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Maf'ūl bihi</i>	62
4.17	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>An-Na't</i>	63
4.18	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Hāl</i>	63
4.19	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Af'āl Al-Khamsah</i>	64
4.20	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Asmā' Al-Khamsah</i>	64
4.21	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Asmā' Al-Mabniyyah</i>	65
4.22	Penguasaan Menulis Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Fi'l As-Shart wa Jawābuh</i>	65
4.23	Penguasaan Bacaan Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Fi'l Al-Muḍāri'</i>	66
4.24	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Jumlah As-Shartīyyah</i>	66
4.25	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>At-Tawkīd</i>	67
4.26	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Maf'ūl Li Ajlih</i>	67
4.27	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>An-Na't</i>	68
4.28	Penguasaan Bacaan Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-A'tfu</i>	68
4.29	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Munādā</i>	69
4.30	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Idāfah</i>	69
4.31	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Hāl</i>	70
4.32	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Badl</i>	70
4.33	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Ḥarf Al-Jar</i>	71
4.34	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Khobar</i>	71

4.35	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Maf'ūl Al-Muṭlaq</i>	72
4.36	Penguasaan (Membaca) Pelajar Terhadap Tajuk Nahu <i>Al-Mustathnā</i>	72



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
1	Soal Selidik (Ujian Menulis: Untuk Menguji Penguasaan Sintaksis Bahasa Arab)	96
2	Soal Selidik (Ujian Membaca Untuk Menguji Penguasaan Sintaksis Bahasa Arab)	100
3	Soal Selidik (Ujian rintis)	102



**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2006)**

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	‘
ي	y
ة	ah*

** Ditransliterasi sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan*

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	أَي	ay
ي	i	ي	ī	أَوْ	aw
و	u	و	ū		

SENARAI SINGKATAN

SMKAMH	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah
SAMHL	Sekolah Agama Menengah Hulu Langat
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, bahasa Arab mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu. Sejarah menunjukkan pengaruh Arab amat mendalam dalam kehidupan mereka yang merangkumi amalan seharian seperti dalam perkara keagamaan dan komunikasi. Dalam bidang pendidikan, sejak dahulu lagi, telah menjadi tradisi masyarakat didedahkan kepada pembelajaran bahasa Arab melalui pendidikan yang bermula secara tidak formal. Bidang pengajaran bahasa Arab ini telah melalui beberapa peringkat perkembangan sehingga wujud kurikulum bahasa Arab yang diajar secara formal ketika ini.

Kurikulum bahasa Arab bagi sekolah tersebut mula digubal secara rasminya mulai 1 Januari tahun 1977 dengan pengambilan 11 buah sekolah menengah agama negeri dan rakyat sebagai percubaan. Bahasa Arab di sekolah tersebut lebih menjurus kepada kemahiran berbahasa atau kemahiran berkomunikasi. Walaupun hanya satu subjek bahasa Arab yang ditawarkan tetapi ia merangkumi beberapa komponen kemahiran bahasa di samping ilmu tatabahasa seperti *nahu*, *sorf* dan *balaghah* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, kurikulum bahasa Arab juga turut digubal semula. Sukatan pelajaran ini dilaksanakan di semua SMKA, Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mulai tahun 1991. Kemudian sukatan bahasa Arab digubal kepada dua sukatan. Pertama, Bahasa Arab Tinggi (BAT) yang digunakan oleh semua sekolah SMKA. Kedua, Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang digunakan di sekolah KAA dan SBP. Pada tahun 2000, sekali lagi sukatan pelajaran bahasa Arab digubal bagi memenuhi tuntutan semasa.

Manakala dari aspek kandungan umum kurikulum bahasa Arab memfokuskan beberapa kandungan yang perlu diajar kepada pelajar adalah: a) empat kemahiran berbahasa yang merangkumi kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis; b) sistem bunyi adalah asas untuk kemahiran bercakap dan membaca; c) kata-kata hikmah dan perumpamaan merupakan faktor kepada keindahan bahasa; d) kosa kata perlu dikuasai merangkumi pelbagai topik; e) *nahu* bahasa Arab merupakan asas untuk kemahiran berbahasa. Pengajarannya perlu disusun untuk menjamin penggunaan bahasa yang betul. *Nahu* bahasa Arab merangkumi sistem morfologi dan sistem pembentukan frasa termasuk menjaga cara sebutan, gaya tekanan dan bentuk intonasi untuk memastikan kemahiran yang betul diperoleh untuk bahasa Arab yang standard. Objektif pengajaran *nahu* ini membolehkan pelajar; i) mengenali istilah *nahu* dan kegunaanya; ii) mengetahui takrif istilah *nahu* yang mudah dan mendatangkan contoh-contohnya; iii) menggunakan *nahu* dalam pelbagai situasi dengan betul; iv) membina ayat mengikut frasa *nahu* gunaan.

Objektif umum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah ialah membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta mampu mempraktikkan mengikut tema dan situasi tertentu. Ia juga bertujuan membekalkan pelajar dengan perbendaharaan kata, kaedah nahu dan sarf dan hafazan terpilih, disamping membina kemampuan pelajar menggunakan bahasa secara betul dan membina keperibadian pelajar dengan nilai akhlak yang mulia. Manakala objektif khusus pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sekolah menengah pula adalah : a) mendengar dan memahami siaran Arab serta memperkatakannya; b) bercakap dengan fasih dalam situasi tertentu; c) membaca dan memahami bahan-bahan bacaan bahasa Arab; d) menulis dan memahami kandungan penulisan dan pelbagai jenis dan tujuan; e) menguasai kemahiran menulis kaligrafi Arab dengan kaedah yang betul; f) menghafaz dan memperdengarkan hafazan-hafazan dan wazan-wazan sarf yang asas; g) menguasai kaedah nahu Arab serta mampu menggunakannya secara fungsian; h) menguasai sekurang-kurangnya 15000 perbendaharaan , kata Arab serta menggunakannya dengan betul.

Nahu adalah satu elemen dalam ilmu bahasa Arab. Menurut Roslinda (2007), bidang ini akan mendedahkan pelajar kepada penyusunan struktur bahasa Arab sehingga menjadi satu susunan kata yang tepat. Pembelajaran nahu bahasa Arab ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan. Kemampuan seseorang menggunakan bahasa Arab sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau tulisan itu dinilai berdasarkan kepada sejauh mana ia menguasai ilmu nahu itu sendiri. Kegagalan untuk menguasai nahu itu dengan baik akan memberi kesan yang amat mendalam terhadap penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya.

Selain itu, pembelajaran nahu dalam mana-mana bahasa di dunia merupakan mukadimah yang sangat penting untuk membetulkan penggunaan bahasa. Sebagai contoh, kesalahan dari aspek *i'rāb* bahasa Arab akan membawa kesan perubahan dari segi makna perkataan yang digunakan. Ahmad Kīlāni (2001). Penggunaan bahasa Arab yang tidak dapat membezakan baris di hadapan untuk pelaku dan baris di atas untuk objek sudah tentu akan membawa kesalahan dari segi memahami perkataan-perkataan yang digunakan sama ada melalui tulisan atau lisan.

Isu- isu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah amat rencam dan pelbagai ragam. Dalam semua aspek, didapati masih banyak masalah yang dihadapi walaupun terdapat usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah ini. Menurut Mat Taib Pa (2006), penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar melayu amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar –pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat.

Justeru, penyelidik ingin melihat tahap penguasaan nahu Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian akan melibatkan permasalahan yang berkaitan dengan nahu bahasa Arab seperti tajuk-tajuk yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar. Melalui kajian ini, guru

bahasa Arab akan mengetahui tajuk yang sukar dikuasai oleh pelajar dan bagaimana untuk mendapatkan kaedah yang mesra pelajar bagi membantu penguasaan nahu bahasa Arab. Hasil daripada kajian ini, dijangka dapat meningkatkan tahap penguasaan nahu bahasa Arab seterusnya meningkatkan pencapaian subjek bahasa Arab dalam peperiksaan SPM.

1.2 Pernyataan Masalah

Sejak akhir-akhir ini, pelbagai tanggapan timbul terhadap pelajar-pelajar aliran agama berhubung dengan penguasaan bahasa Arab mereka. Pelajar dikatakan lemah menguasai bahasa Arab dan tidak mampu memahami tajuk-tajuk dalam bahasa Arab dengan baik. Selain itu, pelajar juga tidak mampu untuk menggunakan bahasa dengan baik dalam pertuturan dan penulisan sedangkan pelajar telah mempelajari bahasa Arab sejak dari sekolah rendah agama. Dalam pembelajaran bahasa Arab secara langsung pelajar akan mempelajari nahu atau tata bahasa bahasa Arab. Tanpa mempelajari dan menguasai nahu bahasa Arab, tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah lemah. Justeru, pengkaji ingin melihat bagaimana tahap penguasaan nahu bahasa Arab dikalangan pelajar.

Nahu adalah satu elemen dalam ilmu bahasa Arab. Menurut Roslinda (2007), bidang ini akan mendedahkan pelajar kepada penyusunan struktur bahasa Arab sehingga menjadi satu susunan kata yang tepat. Pembelajaran nahu bahasa Arab ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan. Kemampuan seseorang menggunakan bahasa Arab sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau tulisan itu dinilai berdasarkan kepada sejauh mana ia menguasai ilmu nahu itu sendiri. Kegagalan untuk menguasai nahu itu dengan baik akan memberi kesan yang amat mendalam terhadap penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya.

Kerajaan menubuhkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula tahun 1977 yang bertujuan memperkasakan Bahasa Arab melalui pemodenan sukatan dan sistem pendidikan Negara menunjukkan kesungguhan pihak berkenaan. Penambahbaikan dan pengemaskinian yang berterusan menunjukkan hasrat murni ini tidak pernah berkurangan. Walaupun begitu, didapati masih banyak masalah yang membelenggu hasrat ini. Menurut Mat Taib Pa (2006), penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar agak lemah, kelemahan ini lebih meruncing berbanding pelajar yang terdahulu. Walaupun buku teks dan bahan bantu mengajar yang lebih baik dan kurikulum yang lebih mantap di samping guru yang terlatih belum dapat mengatasi permasalahan ini. Pengkaji tertanya-tanya tahap penguasaan para pelajar di SMKA sahaja yang merosot atau perkara yang sama dialami oleh pelajar-pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM)? Memandangkan Bahasa Arab digunakan dengan meluas di SAM secara logiknya tahap penguasaan nahu Bahasa Arab lebih baik berbanding pelajar-pelajar di SMKA. Kajian ini bertujuan memastikan tanggapan yang mengatakan pelajar-pelajar di SAM lebih baik penguasaan nahu Bahasa Arab berbanding SMKA.

Walaupun proses penambahbaikan kurikulum pembelajaran bahasa Arab berterusan prestasi pelajar dalam penguasaan bahasa Arab khususnya nahu bahasa Arab didapati semakin merosot. Dalam beberapa kajian yang telah dijalankan antaranya oleh Abdul Aziz Musa (1998), Che Kamarudin Kamel Che Muhammad (1999) dan Abdul Ghani Md Hassan (1999), didapati bahawa pelajar yang mempunyai masalah lemah dalam penguasaan Bahasa Arab dan sangat lemah dalam pengetahuan asas bahasa.

Kajian analisis nahu merupakan kajian yang popular dalam kalangan para pengkaji bahasa Arab. Antara penyelidiknya ialah Wan Rahiman (1994) yang melihat penguasaan pertuturan di kalangan pelajar Matrikulasi UIAM. Kajian seterusnya dijalankan oleh Hassan Basri dan Abdalla (1996). Muhammad Bakhit dan el-Basha (1998), Che' Kamaruddin Kamel (1999) dan Normah (2000), Naimah (2003), Che' Radiah Mezah (2006). Meskipun kajian-kajian yang disebut di atas dilakukan ke atas kumpulan sasaran yang berbeza tempat, peringkat dan tahap pengajian, namun dapatan yang diperolehi menunjukkan satu persamaan iaitu kebanyakan pelajar gagal menguasai nahu bahasa Arab. Hal ini dibuktikan melalui peratusan kesilapan sintaksis yang dihasilkan oleh pelajar dalam kesemua kajian di atas adalah tinggi.

Kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji dan pengalaman pengkaji selama 10 tahun di sekolah-sekolah menengah menunjukkan penurunan tahap penguasaan subjek Bahasa Arab. Ini dapat dilihat dari pencapaian SPM saban tahun yang agak membimbangkan. Perkaitan langsung antara penguasaan Bahasa Arab ialah kelemahan menguasai asas Bahasa Arab iaitu Nahu (atabahasa) dan Sorf (morfologi). Lahir persoalan pengkaji tentang situasi ini apakah tahap penguasaan nahu (atabahasa) Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kegagalan pelajar menguasai nahu Bahasa Arab pasti member kesan dalam penguasaan dalam pembacaan, percakapan dan penulisan Bahasa Arab. Hasilnya pencapaian subjek Bahasa Arab dalam SPM masih jauh dari sasarannya berbanding subjek-subjek yang lain. Di sini kewajaran penilaian dari aspek nahu untuk menengani situasi ini.

Penguasaan nahu bahasa Arab sebenarnya mampu dipertingkatkan oleh para pelajar dengan penerangan yang sesuai dan berkesan. Namun ada beberapa tajuk yang sukar dikuasai kebanyakan pelajar. Persoalannya apakah tajuk yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar? Adakah penerangan yang kurang memadai mempengaruhi kesukaran ini? Perlu ada kepastian untuk memberi maklumat dari kalangan pelajar kepada pihak berkaitan untuk langkah yang sewajarnya. Pihak yang berwajib perlu berganding bahu untuk menentukan semula halatuju serta objektif pendidikan Bahasa Arab di Malaysia. Ini merangkumi penggubal-penggubal dasar, guru-guru pakar di sekolah dan universiti sewajarnya duduk semeja untuk membincangkan permasalahan dan mencari penyelesaian kepada isu ini.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji dan pengalaman pengkaji selama 10 tahun di sekolah-sekolah menengah menunjukkan penurunan tahap penguasaan subjek Bahasa Arab. Hal ini dapat dilihat dari pencapaian SPM saban tahun yang agak membimbangkan. Perkaitan langsung antara penguasaan bahasa Arab ialah kelemahan menguasai asas bahasa Arab iaitu Nahu (tatabahasa) dan Sorf (morfologi). Lahir persoalan pengkaji tentang situasi ini apakah tahap penguasaan nahu (tatabahasa) Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini akan cuba untuk menjawab beberapa persoalan berikut:

- i. Apakah tahap penguasaan nahu bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM)?
- ii. Adakah pandangan yang mengatakan pelajar SAM lebih menguasai nahu bahasa Arab berbanding pelajar SMKA adalah benar?
- iii. Apakah tajuk sintaksis sukar untuk dipelajari dan dikuasai oleh pelajar SMKA dan pelajar SAM?


1.4 Objektif Kajian

Untuk menilai tahap penguasaan sintaksis bahasa Arab dalam kalangan pelajar secara dasarnya adalah bersifat subjektif dan sukar untuk ditentukan dengan tepat. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji telah menggariskan beberapa objektif seperti yang berikut:

- i. Menilai tahap penguasaan nahu bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan pelajar Sekolah Agama Menengah (SAM)
- ii. Membandingkan tahap penguasaan nahu bahasa Arab antara pelajar SMKA dengan pelajar SAM.
- iii. Mengenal pasti tajuk sintaksis bahasa Arab yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar di kedua-dua jenis sekolah.

1.5 Kerangka Konsep

Pengkaji merasakan perlunya kerangka konsep dalam menerajui kajian ini. Pengkaji telah mengubahsuai kerangka konsep Christian J. Weibell (2011), sebagaimana gambarajah 1.0 di bawah:



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Christian J. Weibell (2011) Yang Di Ubah Suai

Berdasarkan Gambarajah 1.0 di atas, kapasiti kemampuan pelajar dalam mempelajari tatabahasa mempengaruhi penguasaan, sikap dan watak seseorang. Ini jelas mengikut apa yang diungkapkan oleh (Christian J. Weibell, 2011). Mengikut beliau lagi penguasaan bahasa mempengaruhi faktor pembelajaran bahasa dalam diri seseorang. Kerangka konsep ini juga membicarakan tentang “*grammatical practice*” dan kelemahan pembelajaran tatabahasa tradisional.

“*Grammatical practice*” yang diamalkan Christian J. (2011) menampilkan latihan tatabahasa yang praktikal. Ini jelas dengan latihan penulisan sekaligus dengan bantuan latihan pembacaan dapat membantu dalam penguasaan nahu sesuatu bahasa. Sanchez (2010) juga berpendapat seperti Christian (2011), di mana beliau menyatakan bahawa peningkatan penguasaan nahu dipengaruhi oleh beberapa faktor umpamanya latihan tatabahasa. Pengkaji berpendapat kajian ini selari dengan pandangan yang diutarakan oleh Christian (2011) dan Sanchez (2010) di mana pelajar akan mendapat manfaat yang berupa peningkatan akademik yang menjuruskan kepada penguasaan nahu.

Oleh yang demikian, pengkaji telah mengaturkan set soalan mengikut Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) sepertimana yang digunapakai oleh sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia. Berpanduan kepada kerangka teori dalam gambarajah 1.0 apabila seseorang mengaktifkan sikap dan perubahan tabiat terhadap pembelajaran bahasa, secara tidak langsung peningkatan kapasiti yang mendadak akan mempengaruhi seseorang untuk meningkatkan potensi diri melalui latihan tatabahasa.

Pengkaji juga bersependapat dengan Sanchez (2010) dan Christian J. (2011), sekiranya seseorang menumpukan perhatian kepada penguasaan nahu di mana kandungan sukatan pelajaran yang berpaksikan tatabahasa Arab yang diminati secara teorinya keputusannya

akan meningkat. Sebaliknya jika seseorang pelajar tidak meminati tatabahasa Arab sudah pasti keputusannya akan merudum. Inilah yang cuba diterangkan oleh Christian J. (2011) dan pengkaji ingin membuktikan bahawa kajian di daerah Hulu Langat mendasari kerangka konsep yang telah diadaptasikan dari Christian J. (2011) dalam kerangka konsep pengkaji.

Secara aplikasinya, seseorang yang memiliki sikap dan watak yang positif terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dapat meningkatkan potensi diri dan pencapaiannya dalam penguasaan nahu bahasa Arab. Ini terbukti apabila minat yang mendalam akan mengatasi kesukaran mempelajari tatabahasa Arab (Azman & Goh 2010) yang juga menggambarkan pengaruh minat dapat mengatasi kesukaran belajar. Walaupun tatabahasa sesuatu bahasa itu sukar.

Pengkaji sealiran dengan Kamarul Shukri Mat Teh (2008) yang telah menjalankan kajian dari perspektif strategi pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan kepada kajian Kamarul (2008), pengkaji bersetuju bahawa berdasarkan minat akan lahir strategi pembelajaran yang sesuai bagi setiap individu.

Dalam Gambarajah 1.0 sikap watak dan minat saling bersangkut paut antara satu sama lain. Dalam situasi ini seseorang meletakkan objektif utama iaitu minat yang mendalam diiringi dengan sikap yang positif terhadap sasaran pembelajaran yang berkait dengan tatabahasa, maka hasilnya ialah peningkatan penguasaan tatabahasa yang berkesan akan terserlah. Ini diikuti dengan kefahaman terhadap penulisan dan pembacaan yang dilakukan oleh pelajar tersebut.

1.6 Kerangka Teori

Berdasarkan tulisan Mohammad Akram Al-Zu'bi (2015) pendekatan deduktif boleh ditakrifkan sebagai sesuatu pendekatan mengajar yang bermula daripada sesuatu atau beberapa rumus, prinsip, hukum, teorem atau peraturan diikuti dengan aplikasinya ke atas contoh-contoh yang khusus. Guru memberikan rumus, prinsip, hukum, teorem atau peraturan tertentu kepada murid dan mengajarnya kepada murid sehingga murid memahami, kemudian murid akan mengaplikasikannya atau menggunakannya sebagai proses menyelesaikan masalah dalam Matematik.

Manakala pendekatan induktif pula (Brown, 1994) ialah pendekatan yang melibatkan aktiviti mengumpul dan mentafsir maklumat-maklumat kemudian membuat generalisasi dan kesimpulannya. Maksudnya di sini ialah menggunakan pendekatan dengan mengemukakan contoh yang khusus kepada murid-murid kemudian murid-murid akan berfikir seterusnya akan membuat generalisasi atau kesimpulan umum yang berkaitan dengan contoh tersebut. Perkara ini dapat membimbing murid-murid memerhati, mengkaji, mengenal pasti prinsip atau fakta penting yang terkandung dalam setiap contoh itu. Dengan cara ini, murid-murid mudah ingat dan faham dengan isi pengajaran

guru kerana dengan membuat teori atau kesimpulan umum tersebut murid mudah mengingat dan mengaplikasikannya semasa menjawab di dalam peperiksaan.

Ini berbeza dengan pendekatan eklektik yang merupakan satu pendekatan yang diwujudkan hasil daripada gabungan dua atau beberapa pendekatan (Nizar Hussein Wāli, 2016). Segala ciri-ciri baik yang terdapat dalam pendekatan tertentu akan digabung dan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tertentu. Pendekatan ini sesuai digunakan untuk kelas-kelas yang terdiri daripada murid-murid yang pelbagai kebolehan. Pengajaran eklektik amat penting dalam membantu meningkatkan kemahiran mengeja dan juga kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak. Pendekatan eklektik juga digunakan apabila sesuatu pengajaran memerlukan guru menggunakan berbagai-bagai pendekatan tidak hanya dengan penggunaan satu bidang pendekatan yang mirip kepada satu teori sahaja.

Ini agak berbeza sekiranya dibandingkan dengan pendekatan komunikatif yang berfokuskan kepada aktiviti berinteraksi dan berkomunikasi (Sa'îd Ahmad dan Congman Rao, 2013). Selain itu, pendekatan ini menekankan makna dalam proses pengajaran. Dialog yang digunakan adalah tertumpu pada fungsi komunikasi sahaja. Dalam pendekatan ini, konteks dan situasi sangat dipentingkan. Pada masa yang sama, percubaan untuk berkomunikasi amatlah digalakkan. Terjemahan boleh diterima dengan syarat murid-murid mendapat faedahnya. Bahasa pula diperolehi melalui proses cuba dan ralat. Selain daripada pendekatan induktif, pendekatan deduktif, pendekatan eklektik dan pendekatan komunikatif, terdapat juga pendekatan-pendekatan seperti pendekatan situasi, pendekatan psiko-linguistik, pendekatan terjemahan dan pendekatan nahu. Pendekatan-pendekatan ini timbul berasaskan teori-teori pembelajaran yang berbentuk mentalis atau behaviouris.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba menilai tahap penguasaan nahu bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan permasalahan yang dihadapi pelajar dalam proses penguasaan tajuk. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat tajuk nahu yang sukar untuk dikuasai pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini memberi kepentingan kepada pihak pelajar, guru, penggubal modul, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Hasil dapatan kajian di harap dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia menilai kurikulum bahasa Arab yang telah dibuat seterusnya membuat penambahbaikan khususnya dalam bidang nahu bahasa Arab memandangkan kepada kepentingannya dalam usaha menguasai bahasa Arab. Dapatan ini boleh dijadikan rujukan oleh pihak yang menyusun kurikulum bahasa Arab begitu juga penulis-penulis yang akan menulis dalam buku teks pelajar.

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada pihak jabatan pelajaran negeri dan juga pihak sekolah dalam memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tidak mengabaikan sebahagian tajuk daripada ilmu bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan ilmu nahu bahasa Arab. Setiap tajuk hendaklah diberikan pemberatan yang sesuai dengan objektif mata pelajaran yang telah ditetapkan. Pihak jabatan juga boleh mengadakan siri kursus atau bengkel dalam usaha memantapkan pendekatan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dengan maklumat-maklumat terkini yang disokong oleh kajian-kajian.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan panduan untuk guru-guru dalam membuat persediaan pengajaran sama ada berkaitan kandungan ataupun teknik yang sesuai juga dalam membina bahan bantu mengajar (BBM) yang boleh digunakan dalam menyampaikan tajuk nahu kepada para pelajar.

Kepentingan kajian yang paling besar adalah diharapkan ia dapat membantu para pelajar memahami dan menguasai ilmu nahu bahasa Arab sebagai satu asas yang amat penting agar mereka dapat menguasai peringkat pembelajaran tatabahasa seterusnya, disamping dapat mengekalkan daya tumpuan dan minat berdasarkan pendekatan yang dicadangkan. Maka diharapkan dengan kajian ini, prestasi para pelajar akan meningkat dalam pencapaian mereka dalam bahasa Arab.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan di dua sekolah yang mempunyai latar belakang yang berlainan. Sekolah yang dimaksudkan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidah, Kajang dan Sekolah Agama Menengah Hulu Langat, Kajang. Pemilihan lokasi kajian ini dibuat berdasarkan fakta bahawa kedua-dua sekolah menengah berkenaan memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian. Umumnya pemilihan lokasi kajian ini dibuat adalah disebabkan bertepatan dengan tujuan kajian dan penggunaannya dijangka akan menjawab persoalan kajian yang berkisar tentang tatabahasa bukannya kemampuan pelajar.

Dalam penentuan sasaran tatabahasa pemilihan secara rawak diambil dan dipilih dari 65 orang pelajar yang telah diklasifikasikan mengikut kategori lemah, sederhana dan cemerlang dalam penguasaan tahap tatabahasa. Oleh kerana itu, Merrill (2002) menyokong pentakrifan di atas dengan mentakrifkan dalam mencipta situasi pemeraksanaan tatabahasa dan “output” lebih utama berbanding jumlah pelajar tersebut.

Kajian ini juga memfokuskan tiga belas tajuk nahu yang dipelajari di kedua buah sekolah iaitu jenis-jenis *khobar* (predikat), *Al-Idāfah*, *Adawāt As-Sharf*, *At-Tawābi’ At-Tawkid*, *An-Na’t*, *Al-Badl*, *Al-A’tfu*, *Al-Hāl*, *Al-Afā’l Al-Khamsah*, *Al-Mabni Wal Mu’rab*, *Almafu’l al-mutlaq*, *Al-Istithnā’* dan *Al-munādā*.

1.9 Kesimpulan

Berdasarkan tinjauan dan kajian yang telah dijalankan pengkaji merasakan bahawa pemilihan tajuk ini sangat penting pada masa ini. Ini juga berkaitan pengalaman pengkaji selama 10 tahun di sekolah-sekolah menengah menunjukkan penurunan tahap penguasaan subjek Bahasa Arab terutama aspek nahu. Ini dapat dilihat dari pencapaian SPM saban tahun yang agak membimbangkan. Perkaitan langsung antara penguasaan Bahasa Arab ialah kelemahan menguasai asas Bahasa Arab iaitu *naḥw* (tatabahasa) dan *ṣarf* (morfologi). Lahir persoalan pengkaji tentang situasi ini apakah tahap penguasaan nahu (tatabahasa) Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kegagalan pelajar menguasai nahu Bahasa Arab pasti member kesan dalam penguasaan dalam pembacaan, percakapan dan penulisan Bahasa Arab. Hasilnya pencapaian subjek Bahasa Arab dalam SPM masih jauh dari sasarannya berbanding subjek-subjek yang lain. Di sini kewajaran penilaian dari aspek nahu untuk menangani situasi ini.

Justeru pengkaji merasakan kajian perlu dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan nahu bahasa Arab dalam kalangan murid serta perbandingan antara kedua-dua jenis sekolah ini memandangkan bahasa pengantar yang berbeza. Hasil kajian boleh dijadikan rujukan untuk memilih sukatan dan pendekatan yang lebih sesuai dan berkesan demi memartabatkan Bahasa Arab. Harapan pengkaji agar tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran nahu bahasa Arab dapat dipertingkatkan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Ab. Fattah Husain (2001). *Asālib Mahaārat al-Lughah al-a'rabīah wa Aadabuha. al-A'in*.
- Ab. Halim Mohamad (2002). *Pembelajaran Frasa Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.
- Abd. Aziz Musa (1998). *Pengajaran Nahu Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Di Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan* (Dissertation M.M.L.S.). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Abisamra, N. (2003). An Analysis of Errors in Arabic Speakers' English Sritings. Diperolehi pada 20 Mac 2011 daripada [http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error analysis.html](http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error%20analysis.html).
- Aḥmad 'Abd al-Hāmīd Jād AlLah (2001). *al-Wajīz fi al-Nahw wa al-Ṣarf*. Būr Sa'īd: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmīyyat.
- Ahmad Kilāni Mohamed (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Aisyah Sjahrony. (2017). Kebolehbacaan Buku Teks Maharat Al-Qira'ah Berasaskan UjianKloz Dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Ulum Islamiyyah Journal. Vol. 21, 61-73.
- Al-Istarabaziy, Radiy al-Din Muhammad bin al-Hasan (1998) Syarh Kafiyat Ibn al-Hajib, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyat
- Al-Haramiy, 'Umar bin 'Isa bin Isma'il, (2005) al-Muharrar fi al-Nahw, stgn Mansur 'Aliy Muhammad 'Abd al-Sami'.
- Al-Zajjajiy 'Abd al-Rahman bin Ishaq Abu Ishaq (ed. Mazin al-Mubarak). (1986). al-Idah fi 'Ilal al-Nahw, Damsyik, Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Alessandro G. Benati (2009). *Japanese Language Teaching: A Communicative Approach*. Bloomsbury Publishing, 1 Jan 2009.
- al-Imarat Muttahidah. Dar al-Kitab al-Jami'ah.
- Arif Kharky Khudairy. (1994). *Ta'lim al-Lughat al-Arabiyyah li ghair al-Arab Dirasat fi al-Manhaj wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar as-Saqafah lil Nasr wa at-Tauzi'.

- Ashinida Aladin (1998). Kekeliruan antara al-Idafat dan al-Na'at di kalangan pelajar Melayu. (Tesis M.A.) Lembah Pantai Universiti Malaya.
- Azman Che Mat, and Goh , Ying Soon (2010) *Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi : perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis*. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2 (2).
- Bardeas, Suzanne Mahmoud. (2009). The Syntax Of The Arabic DP. Thesis (Ph.D.) University of York
- Brown, D. (1994). Principles of Language Learning and Teaching. 3rd rd edition. New Jersey: Prentice Hall Regents.
- Burhan Nurgiyanto (2001). Penilaian dalam Pengajaran Bahasa dan Sastra. Yogyakarta: BPFE Byrne, Donn. Teaching Writing Skills. Essex: Longman Group UK Limited.(1991).Hadfield, Jill and Hadfield, Charles. Simple Writing Activities. Oxford: Oxford University Press, 2000.
- Candlin,Christopher. (1976). Communicative languageteachingandthedebtto pragmatics.In C. Rameh(Ed.), GeorgetownUniversity RoundTable on Languages and Linguistics.Washington:GeorgetownUniversityPress.
- Calkins, L. M. (1980). When children want to punctuate. *Language Arts*, 57, 567-573.
- Celce-Murcia, M., Dornyei, Z., & Thurrell, S. (1997) Direct Approaches in L2 Instruction: A Turning Point in Communicative Language Teaching. TESOL Quarterly, 31, 141-152.
- Charanjit Kaur Swaran Singh , Amreet Kaur Jageer Singh, Nur Qistina Abd Razak& Thilaga Ravinthar. (2017). Grammar Errors Made by ESL Tertiary Students in Writing. English Language Teaching; Vol. 10, No. 5; 2017.ISSN 1916-4742 E-ISSN 1916-4750.Published by Canadian Center of Science and Education.
- Che Kamaruddin Kamel bin Che Muhammad (1999). Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab (Tesis sarjana). Universiti Malaya
- Chin, B. A. (2000). *The role of grammar in improving students' writing*. Sadlier: Oxford
- Christian J. Weibell (2011). Principles of Learning: A Conceptual Framework for Domain-Specific Theories of Learning. Brigham Young University – Provo
- Chua Yan Piaw (2014). Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Ujian Univariat dan Multivariate. McGraw-Hill Education. Malaysia
- Conti Gianfranco (2016). *Grammar translation and Communicative Language Teaching Compared*. Atas talian:

<https://gianfrancoconti.wordpress.com/2016/01/12/grammar-translation-and-communicative-language-teaching-compared/>

- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Second Edition, SAGE. Thousand Oaks. USA.
- DiStefano, P. & Killion, J. (1984). Assessing writing skills through a process approach. *English Education*, 16(4), 203-207
- Eva Hashem-Aramouni (2011). *The Impact Of Diglossia On Arabic Language Instruction In Higher Education: Attitudes And Experiences Of Students And Instructors In The U.S*. Dissertation Doctor Of Education In Educational Leadership California State University, Sacramento.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). *Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Students " Attitude Towards Oral Arabic Learning At Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 10(3), 15-33.
- H. S. Sanchez. (2010). *An Investigation into the Relationships among Experience, Teacher Cognition, Context, and Classroom Practice in EFL Grammar Teaching in Argentina*. (Phd) thesis University of Warwick.
- Hamizul bin Mahmud (2008). Satu Perbandingan Kesan Dua Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Antara Kaedah Nahu Terjemahan Dengan Kaedah al-Samiyah al-Syafawiyah di Kalangan Pelajar SMKA Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor. (Tesis sarjana) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harmer, J. (1989). *Teaching and Learning Grammar*. Longman.
- Harris, R. J. (1962). *An experimental inquiry into the functions and value of formal grammar in the teaching of written English to children aged twelve to fourteen*. Ph.D. dissertation. University of London.
- Hasan Shahatah. (1993). *Ta'lim al-lughah al-a'rabiyyah: bayn an-nazarīyyah wa at-Tatbiq*, Ed. Ke-2. Kaherah: ad-Dār al-misriyyah al-lubnānīyyah.
- Heba Ali Amer Hmedan,. Jamal Subhi Ismail Nafi'. (2016). *The Effect of Using Inductive and Deductive Methods on 7th Grade Students' Achievement in Grammar in Bethlehem District and their Attitudes toward EFL*. *International Journal of Education and Social Science* Vol. 3 No. 9; September 2016
- Husaini, Muhd Harun. (2007). *Tahlil Kutub Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah Bil Muassasat At-Ta'limiah Al-U'lya Al-Khassah*. Tesis Phd. Universiti Malaya.
- Ibn Hisyam al-Ansariy, (1995) *Awdah al-Masalik ila Alfiyat Ibn Malik*, stgn Muhammad Mahy al-Din 'Abd al-Hamid. Beirut : al-Maktabat al-'Asriyyat

- Ismail Muda (1999). *Satu Kajian Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Cera* (Dissertation M.M.L.S.). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik
- Jack C. Richards and Ted Rodgers. (1982). *Method: Approach, Design and Procedure*. Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL)
- Janudin Sardi & Mohd Arsyad Abdul Majid (2004). *e-Pembelajaran: Tinjauan Penggunaan Kosa Kata dan Nahu dalam Laman Web Percuma dan Implikasinya Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab* (Monograf Penyelidikan). Institut Penyelidikan, Perundingan & Pengkomersilan, Universiti Teknologi MARA.
- Kamarul Shukri bin Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama* tesis Phd UKM
- Kamarul Shukri bin Mat The. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. (Phd) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). *Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab : Kajian Kursus Maharat al-Kitabah*. Dalam *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)* (vol. 2012, pp. 130-138)
- Kirk, J., & Miller, M. L. (1986). *Reliability and validity in qualitative research*. Beverly Hills, Sage Publications.
- Klare, G.R. (1969). *The Measurement Of Readabilty*. Ed. ke-3. Iowa: Iowa State
- Lao, C. Y. & Krashen, S. (2000). *The impact of popular literature study on literacy development in EFL: More evidence for the power of reading*. System, 28, 261–270 University Press
- Leslie, L. & Caldwell, J. 2004. *Qualitative Reading Inventory 3*. Boston: Pearson Education Company.
- Maḥmūd Kāmil al-Nāqah (1985). *Ta'lim al-lughat al-'Arabīyyat lil-nāṭiqīn bi-lughat ukhrā*. Makkah: Jāmi'ah Umm al-Qurā.
- Mahmud Muhammad & Zahrah Awang (2000). *Namādzij fī al-I'rāb*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Mahmoud, Bardeas, S. (2009). *The Syntax of the Arabi DP*. Phd dissertation University of York

- Manuskrip Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Lima Sekolah-sekolah Menengah (2001). Kementerian Pendidikan Malaysia: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Marohaini Yusoff. 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan Dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mat Taib dan Mohd Rosdi Ismail, (2006). Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Penerbit Universiti Malaya
- McGloughlin, Stephen (2001). *Multimedia: Concept and Practice*. New Jersey: Prentice-Hall International.
- Merrill, M. D. (1997). Instructional strategies that teach. CBT Solutions, Nov./Dec.
- Merrill, M. D. (2002a). First principles of instruction. Educational Technology, Merrill, M. D. (2002b). Knowledge objects and mental models. In D. A. Wiley (Ed.),
- Merrill, M. D. (2002c). A pebble-in-the-pond model for instructional design. Performance Improvement, 41(7), 39-44.
- Merrill, M. D. (2006). Levels of instructional strategy. Educational Technology, 46(4), 5-10.
- Merrill, M. D. (2007). First principles of instruction: One page summary
- Mishra, Sanjaya (2004). *Interactive Multimedia in Education and Training*. USA: Idea Group Publishing.
- Mohamad Awang (1996). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Menengah : Satu Tinjauan Tentang Sikap Dan Amalan Guru-Guru Bahasa Arab Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Bantuan (Dissertation (M.M.L.S.)). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik*
- Mohammad Akram Alzu'bi (2015) Effectiveness of Inductive and Deductive Methods in Teaching Grammar Mohammad Akram Alzu'bi English Department, Ajloun University College, Albalqa" Applied University, Jordan
- Mohd Azidan Abdul Jabar (Jun, 2000). *Penilaian Pelajar Menengah terhadap Keberkesanan Penggunaan ABM dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab*, Jurnal Bahasa, 44(6). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Nasir bin Mohd Nor (2008). Ujian Diagnostik Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Aliran Agama KAA di Daerah Hulu Perak dan Kerian (Tesis sarjana) Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Shah bin Ujang (2006). Minat, Motivasi dan Sikap Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Sembilan Terhadap Ilmu Nahu. (Tesis Sarjana) Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Mohd Shah bin Ujang (2006). Minat, Motivasi dan Sikap Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Sembilan Terhadap Ilmu Nahu.(Tesis sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Sham Kamis, Maimun Aqsha Lubis, Norhayuza Mohamad, Aini Akmar Mohd Kasim, Aisyah Sjahrony.(2017). The Impact of Metacognitive Strategy (MCS) in Reading Arabic Text Among SMK Agama Students in Seremban. L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies – Vol 23(4): 222 – 234 <http://doi.org/10.17576/3L-2017-2304-17>
- Mohd. Azidan Abdul Jabar (1998). *Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Arab* (Dissertation M.M.L.S.). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Moskal, B., Leydens, J. & Pavelich, M. (2002)"*Validity, reliability and the assessment of engineering education*". Journal of Engineering Education , Vol. 91, No. 3, 351-354, 2002.
- Muhammad Ali al-Khuli (1986). *Asalib Tadris al-Lughah al-A'rabiyyah*. Riyadh : Mathabi' Farazdaq al-Tijariyah
- Nazzil Saifuddin bin Ab. Rahim (2013). Kemahiran Membina Ayat Mudah Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama ABIM, Kajang, Malaysia. (Tesis M.A.) *Universiti Putra Malaysia*.
- Nizar Hussein Wali. (2016). *Eclecticism And Language Learning College of Basic Education*.Diyala University, Iraq European Journal of Foreign Language Teaching ISSN: 2537 - 1754 ISSN-L: 2537 – 1754
- Nur Aisyah Mohamad & Zamri Mahamod. (2014). Tahap kemahiran metakognitif murid Pelajar Tingkatan 4. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM. Malay Language Education Journal – MyLEJ. Vol. 4(1), 41-47.
- Oller, J.W., Jr.,& Damico, J.S. (1991). Theoretical considerations for the assessment LEP students. In E.V. Hamayan & J.S. Damico (Eds.) Limiting bias in the assessment of bilingual students. (pp. 77-110) Austin: PRO-ED
- Panduan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 5 (2001). Kementerian Pelajaran Malaysia: Bahagian Pendidikan Islam dan Moral.
- Peck, A. (1988). *Language Teachers at Work*, Prentice Hall: International English Language Teaching.

Rahimi, Nik Mohd (2005). *Penilaian Kemahiran Mendengar Dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Research and Development, 50(3), 43-59.

Robert K. Yin (2011). *Qualitative Research From Start To Finish*. The Guilford Press. New York London.

Roset, C. J. (2018). *A grammar of Darfur Arabic*. University Of Amsterdam.

Rosni bin Samah dan Arnida binti Abu Bakar (2007). *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Nahu di Peringkat STAM dan Tahap Penguasaan Pelajar : Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri*. (Tesis kedoktoran) Universiti Sains Islam Malaysia.

Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). *Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Jurulatih Debat*. GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol. 13(2), 99-116

Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Universiti Sains Islam Malaysia.

Saeed Ahmad dan Congman Rao, 2013 *Applying Communicative Approach in Teaching English as a Foreign Language: a Case Study of Pakistan* Porta Linguarum 20, junio 2013. ISSN: 1697-7467. pp. 187-203.

Shaffer, C. (1989) *A Comparison of Inductive and Deductive Approaches to Teaching Foreign Languages* The Modern Language Journal Volume 73, Issue 4 Winter 1989 Pages 395-403

Shaughnessy, M. P. (1977). *Errors and expectations: A guide for the teacher of basic writing*. New York: Oxford University Press.

Sulaiman Shamsuri (2004). *Research Methods for the Social Sciences*. Klang: DSS Publishing Enterprise.

Syed Omar al-Saggaf & Rosli Othman (1997). *Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Lima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Syed Omar al-Saggaf, Yazid Kecik & Muhammad Abdul Rahim Muhammad Abdul Rahman (1996). *Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Syed Othman Alhabshi (2004). *e-Learning: The Education of The Future* (Seminar Paper). Shah Alam. e-Learning Seminar organized by Institute of Leadership and Quality Management (iLQaM) UiTM.

Syukri Yamin. (2003). *Bahasa Arab Komunikasi*. Petaling Jaya: Info-Didik Sdn Bhd.

The instructional use of learning objects (). Bloomington, Ind.: Agency for Instructional Technology : Association for Educational Communications & Technology.

Ta'imah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim al- Lughah al- Arabiyyah lighair al- Natiqin biha manahijuhu wa asalibuhu*. Mesir: Jami'ah al Mansurah

Tu'aymah, Rushdi Ahmad. (2006). *Al-Maha:ra:t al-Lughawiiyyah*. Al-Qa:herah: Da:ru'l Fikr al-Arabi

Walid Ahmad Jabir. (2002). *Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah: Mafahim Nazariyyah wa Tatbiqat 'Amaliyyah*. 'Amman: Dar al-Fikr li at-Tiba'ah wa an-Nashr wa al-Tawzi'.

Wan Muhammad Wan Sulong & Ab. Halim Mohamad (2005) *Pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Cabaran dan Inovasi: Cerita Melayu Tradisi dalam Pendidikan Bahasa Arab*. Bangi. Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

Widodo, H. P. (2006). *Approaches and procedures for teaching grammar. English Teaching: Practice and Critique*, 5(1), 122-141. Atas talian: <https://education.waikato.ac.nz/research/files/etpc/2006v5n1nar1.pdf>

Witsanu Chaiyaphat (2013). *Effects Of English Collocation And Communicative Grammar Instruction On Undergraduate Students' English Speaking And Writing Abilities. Degree Of Master Of Education Program In Teaching English As A Foreign Language*. Chulangkorn University.

BIODATA PELAJAR

Syed Mohd Annas bin Syed Ab. Hamid telah dilahirkan pada 26 Februari 1978 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sek. Ren. Keb. Sultan Ismail (2) pada tahun 1985 sehingga 1990 seterusnya ke Sek. Men. Ugama Arab Maahad Muhammadi Lelaki pada 1991-1996. Beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda di Universiti Hashimiah (Jordan) dalam bidang Bahasa Arab dan Kesusasteraannya (1997-2001). Seterusnya beliau mengikuti Kursus Pendidikan Lulusan Ijazah di Maktab Perguruan Islam (2002).

Pada Peringkat Sarjana pula beliau mengambil bidang bahasa Arab dalam fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia. Kajian yang dibuat pada peringkat master bertajuk Perbandingan Penguasaan Sintaksis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Daerah Hulu Langat.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Guru Bahasa Arab pada tahun 2003. Sekolah pertama beliau adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak. Pada tahun 2008, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Pada tahun 2009 beliau bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah, Selangor dan sekarang beliau bertugas di Sek. Men. Keb. Integrasi Sultan Abdul Aziz Shah (Kajang) sebagai guru bahasa Arab dan Pendidikan Islam.

PENERBITAN

Syed Mohd Annas, Abdul Halim Muhammad, Mohd Sham Khamis dan Maimun Aqsha Lubis (2017). Kelemahan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM) dalam Penguasaan Topik Terpilih dalam Tatabahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 1(2) September 2017*, 67-78. eISSN: 2600-769X





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PERBANDINGAN PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR DI DAERAH HULU LANGAT, MALAYSIA

NAMA PELAJAR : SYED MOHD ANNAS BIN SYED ABD HAMID

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (V)

☐

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

☐

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

☐

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]